

Tarikh: 15 September 2016

### Pemberitahuan untuk Penilaian Ulangan RSPO bagi Kilang Kelapa Sawit Pekaka, Sime Darby Plantations Sdn Bhd.

Pihak berkepentingan yang dihormati,

SOU 34 subsidiary of SIME DARBY Plantation Sdn Bhd (RSPO Membership: 1-0008-04-000-00) telah memohon kepada Mutuagung Lestari dan akan menjalankan Audit Persijilan Ulangan di Kilang Kelapa Sawit Pekaka dan pusat bekalan asas yang terletak di Desa Pekaka, Distrik Bintulu, Sarawak, Malaysia terhadap keperluan Mejabulat mengenai Minyak Sawit Mampan, Prinsip dan Kriteria (RSPO P& C) dan selaras dengan Tafsiran Nasional Malaysia (MYNI) – Mac 2015 dan Bekalan Rantaian Sistem Pensijilan RSPO (SCCS) dokumen untuk Loji Minyak Sawit – November 2014.

Organisasi ini adalah ahli RSPO dan telah mengambil peranan yang aktif dalam proses pensijilan RSPO dan merancang untuk mencapai keperluan RSPO Minyak Sawit Lestari untuk semua pengeluarannya. Mutuagung Lestari telah mengatur untuk menjalankan penilaian untuk organisasi ini yang beroperasi dengan 1 (Satu) kilang dan 5 (lima) ladang pada tarikh **17 hingga 21 Oktober 2016**.

Maklumat mengenai data pengeluaran kilang dan ladang-ladang yang akan dinilai adalah seperti berikut:

Nama kilang	Lokasi	Rujukan GPS		Kapasiti Kilang (Tan Metrik/jam)	Jumlah dagangan tahunan	
		Latitud	Longitud		Keluaran CPO (Tan metrik/tahun)	Keluaran PK (Tan metrik/tahun)
PEKAKA	Dulang Estate, Sarawak	N 3° 36' 38"	E 113° 39' 42"	60	35,247.719	9,460.77

\*Sumber data dari Januari hingga Disember 2015

Nama Estet	Lokasi	Rujukan GPS		Kawasan (Ha)	Kawasan tanaman (Ha)	Penghasilan FFB (Tan metrik/tahun)
		Latitud	Longitud			
Pekaka	Pekaka, Sarawak	N 3° 36' 03"	E 113° 38' 41"	2,626.14	2,538.04	32,667.93
Ruai	Ruai, Sarawak	N 3° 26' 45"	E 113° 39' 03"	2,460.96	2,318.42	35,634.21
Dulang	Dulang, Sarawak	N 3° 35' 23"	E 113° 43' 11"	2,548.00	2,281.96	40,512.15
Paroh	Paroh, Sarawak	N 3° 35' 23"	E 113° 42' 25"	2,627.90	2,388.55	41,213.32
Chartquest	Chartquest, Sarawak	N 3° 37' 24"	E 113° 37' 11"	1,448.71	1,321.30	29,754.70
<b>Total</b>				<b>11,711.71</b>	<b>10,848.27</b>	<b>179,782.31</b>

\*Sumber: Data dari Januari hingga Disember 2013

Mutuagung Lestari dikenali Kualiti Pensijilan Antarabangsa (MUTU), dan telah bermula sebagai pemeriksa, makmal, dan badan Pensijilan sejak tahun 1990. Sebagai sebuah syarikat nasional swasta dan disokong dengan profesional yang komited, MUTU telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sejak Jun 2003, MUTU telah menerima pengiktirafan daripada Kementerian Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan Jepun (MAFF) sebagai badan pensijilan luar negara berdaftar (ROCB). MUTU mengesahkan dan menandakan produk dengan standard pertanian Jepun (JAS) yang meliputi Indonesia, Myanmar, Kemboja, Malaysia, Vietnam, Timor Leste, Filipina, Papua New Guinea dan China. MUTU adalah ROCB yang pertama di Asia. Jawatankuasa Akreditasi Negara telah mengiktiraf MUTU sebagai badan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001; 2008) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar badan pensijilan (ISO 14001; 2004). Institut Penglabelan-Eco Indonesia (LEI) juga telah mengiktiraf MUTU sebagai badan pensijilan Sistem Pengurusan Hutan Mampan, Badan Pensijilan Minyak Sawit Lestari Indonesia (ISPO). Sejak Mac 2014, MUTU telah diiktiraf oleh ASI (Perkhidmatan Akreditasi Antarabangsa) sebagai badan pensijilan RSPO.

Pasukan penilai bagi pensijilan terdiri daripada:

1. **Trismadi Nurbayuto** sebagai ketua juruaudit untuk aspek Undang-undang, Amalan Pertanian Terbaik, Pengurusan Perosak Bersepadu.

2. **Yap Ching Hung** sebagai auditor untuk aspek Undang-undang, konservasi, Sistem Pengurusan Kualiti, aspek Pengurusan Alam Sekitar, Pengurusan Rantaian serta fasih berbahasa tempatan.
3. **Mohd. Nizam** sebagai juruaudit bagi, aspek social, transparansi, kebajikan pekerja aspek keselamatan dan kesihatan serta fasih berbahasa tempatan.

Mutuagung Lestari menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada) tentang mana-mana perkara berikut yang berkaitan untuk penilaian:

- a. Perlindungan alam sekitar dalam estet atau kilang termasuk penggunaan racun perosak dan pengurusan sisa buangan.
- b. Biodiversiti dalam estet dan kilang
- c. Peluang-peluang pekerjaan
- d. Sumbangan untuk pembangunan tempatan
- e. Penyediaan perumahan, sanitasi, kemudahan dan sokongan pendidikan
- f. Isu-isu lain yang berkaitan dengan penilaian

Komen diterima dalam tempoh 30 hari dari tarikh terakhir akan dipertimbangkan dalam penilaian pensijilan. Sila lengkapkan butiran seperti berikut sekiranya kami perlu menghubungi anda untuk mendapatkan penjelasan mengenai perkara yang dibangkitkan.

Nama: \_\_\_\_\_  
Alamat: \_\_\_\_\_  
Telefon: \_\_\_\_\_  
Fax: \_\_\_\_\_

Jika anda ingin komen anda dirahsiakan atau kekal tanpa nama, sila nyatakan 'SULIT'. Sila hantar komen anda kepada:

**PT MUTUAGUNG LESTARI**

**Octo HPN Nainggolan**

**Pengurus Operasi**

Jl. Raya Bogor Km. 33,5 No. 19

Cimanggis, Depok - Indonesia 16953

Tlp. (62-21) 8740202

Fax. (62-21) 87740745/46

[agri@mutucertification.com](mailto:agri@mutucertification.com)

[web : www.mutucertification.com](http://www.mutucertification.com)

**SIME DARBY PLANTATION SDN BHD**

**Shylaja Devi Vasudevan Nar**

**Plantation Sustainability & Quality Management,  
Sustainability Unit**

Level 3A, Main Block, Plantation Tower, No.2,

Jalan PJU 1A/7, Ara Damansara,

47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tel: (+603) 7848-4379


Fax (+603) 7848-4363

Email: [shylaja.vasudevan@simedarby.com](mailto:shylaja.vasudevan@simedarby.com)

[web : www.simedarbyplantation.com](http://www.simedarbyplantation.com)

Kami mengucapkan terima kasih untuk komen dan maklum balas anda.

Yang benar,



**Tony Arifiarachman**

Pengarah Operasi